

# MHC umum senarai pemain lelaki, wanita negara

Archival News | Berita Harian | 10/08/2018 | A-All

Kuala Lumpur: Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) mengeluarkan senarai akhirbarisan 18 pemain skuad lelaki dan wanita ke Sukan Asia, dengan nama Kirandeep Kaur paling mencuri tumpuan.

Sensasi berusia 15 tahun itu muncul satu-satunya muka baharu yang dinamakan MHC kali ini dengan skuad lelaki dan wanita menyasarkan emas dangangsa di Jakarta.

Pengarah Teknikal MHC, Terry Walsh turut memuji Kirandeep yang jugapelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Bangsar itu.

"Keseluruhan pasukan lelaki dan wanita negara diperkuatkan barisan pemain sama, hanya Kirandeep Kaur saja menjadi satusatunya pemain baharu yang disenaraikan.

"Saya pernah melihat persembahannya pada sesi latihan dan jugaperlawanan kompetitif. Saya percaya dia mempunyai bakat luar biasa bagipemain seusianya," kata bekas pengendali Australia itu.

Termuda

Kelmarin, NSTP melaporkan Kirandeep Kaur akan menjadi pemain termuda dalam sejarah hoki Malaysia yang beraksi di Sukan Asia, hasil percaturan berani jurulatih Dharma Raj Abdullah.

Apabila ditanya sejauh mana peluang skuad Malaysian Tigers dan Malaysian Tigress di Sukan Asia nanti, Walsh menaruh harapan untuk melihat kedua-dua pasukan itu mengatasi pencapaian terdahulu.

Skuad lelaki diundi dalam Kumpulan B bersama-sama Pakistan, Bangladesh, Oman, Kazakhstan dan Thailand manakala skuad wanita dalam Kumpulan A (China, Jepun, Hong Kong dan Taiwan).

Terdahulu, dalam satu majlis di Pejabat MHC menyaksikan barisan pemain hoki lelaki dan wanita mendapat tajaan kasut daripada Vik Network, sebuah syarikat barangan sukan hoki.

Info

Lelaki

- Penjaga gol: S Kumar, Hairi Rahman, Pertahanan: Sukri Mutalib, Razie Rahim, Syed Syafiq Syed Cholan, Azri Hassan, Faiz Helmi Jali,?

- Tengah: Nabil Fiqri, Marhan Jalil, Meor Azuan Hassan, Fitri Saari, Joel Samuel van Huizen, Amirol Aideed Arshad; Penyerang: Tengku Ahmad Tajuddin, Faizal Saari, Nik Aiman Nik Rozemi, Firhan Ashari, Shahril Saabah.

Wanita

- Penjaga gol: Farah Ayuni Yahya, Mas Huzaimah Aziz,

- Pertahanan: Siti Noor Amarina Ruhani, Juliani Din, Raja Norsharina Shabuddin, Nuraini Rashid, Nur Syafiqah Zain;

- Tengah: Fatin Shafika Mahd Sukri, Fazilla Sylvester Silin, Wan Norfaiezah Saiuti, Surizan Awang Noh, Nuraslinda Said, Noor Hasliza Ali

- Penyerang: Norazlin Sumantri, Hanis Nadiah Onn, Nur Amirah Shakirah, Nur Zafirah Aziz, Kirandeep Kaur

( END )

Source By: Berita Harian